

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN
[BATU]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan melalui peruntukan Belanjawan 2019, berapa peruntukan yang dikeluarkan untuk pembangunan masyarakat Orang Asal. Berapa jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk pembangunan infrastruktur dan apakah jenis bantuan yang disalurkan kepada masyarakat Orang Asal pasca COVID-19.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) berperanan dalam melaksanakan pembangunan secara inklusif melibatkan pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kesihatan dan pembangunan modal insan bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli ke arah kemajuan seiring dengan pembangunan negara pada masa kini.
2. Strategi untuk memajukan masyarakat Orang Asli telah digariskan ke dalam Pelan Strategik JAKOA (2016 – 2020) yang memberi fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ianya merupakan satu pelan yang telah dirangka dalam usaha meningkatkan kualiti hidup melalui penyediaan infrastruktur yang lengkap di perkampungan Orang Asli. Dalam masa yang sama, usaha juga turut dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli melalui Program Pembangunan

Ekonomi Orang Asli serta Program Pembangunan Usahawan Orang Asli di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

3. Pada tahun 2019, sebanyak RM56.5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan secara inklusif kepada masyarakat Orang Asli. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM18.5 juta diperuntukkan bagi tujuan pembangunan infrastruktur dan ameniti sosial di perkampungan masyarakat Orang Asli meliputi jalan perhubungan, penyediaan bekalan elektrik dan air terawat, serta penyediaan kemudahan awam seperti sistem perparitan, balai raya dan sebagainya.

4. Seterusnya, jenis bantuan kebajikan Modal Insan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli Semenanjung pasca COVID-19 berupa Bakul Makanan, Kit Kebersihan Diri, pengangkutan, wang saku, edaran makanan bermasak dan lain-lain lagi.